

**SOALAN NO: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DATO' NORAINI BIN AHMAD**

**TARIKH: 1 APRIL 2015**

**SOALAN:**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan yang telah menerima persijilan di bawah Skim Recognition of *Prior Learning (RPL)* oleh empat badan persijilan yang mempunyai rangka pengakreditasian (*accreditation framework*) sejak ia dilaksanakan dan adakah jangkaan sasaran 700,000 akan dicapai menjelang akhir 2015.

**PR-1331-L66247**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam menyokong aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir Negara, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah memperkenalkan Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

atau dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) pada 2 Julai 2009.

2. Skim RPEL ini dilihat sebagai satu proses yang boleh membantu meningkatkan prospek kerjaya tenaga kerja yang tidak mempunyai sebarang sijil kelayakan formal, tetapi yang telah memperoleh pengetahuan, pengalaman dan kemahiran di tempat kerja melalui pengiktirafan yang diberikan.
3. Di sepanjang tempoh perlaksanaan Skim RPEL ini di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) sehingga 25 Februari 2015, PSMB telah meluluskan seramai 6,614 orang pelatih dengan bantuan kewangan sebanyak RM4.35 juta.

**Jadual 1: Statistik Skim *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) (Tahun 2011 hingga 25 Februari 2015)**

BADAN PERSIJILAN	PELATIH	BANTUAN KEWANGAN (RM)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	6,051	1,982,450.00
Institute Of Supply Chain Management, UK	150	978,910.00
Federation of University, Australia	53	144,900.00
Great Britain College Consortium, UK	360	1,239,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>6,614</b>	<b>4,345,260.00</b>

\*Nota: Setakat 25 Februari 2015

Tuan Yang Di Pertua,

4. Bagi sasaran 700,000 pelatih menjelang akhir tahun 2015, iaanya adalah sasaran 33% pekerja mahir dan iannya meliputi semua initatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dibawah pelbagai Kementerian. Program RPEL adalah merupakan salah satu daripada inisiatif tersebut.